

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

RAE 316 Pembinaan dan Bahan Bangunan III

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan.

1. Terangkan dengan bantuan lakaran perkara-perkara yang tergolong sebagai elemen-elemen struktur mengikut definisi Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984?

Jelaskan apakah tujuan perlindungan api secara struktur dan bagaimanakah ia dilakukan?

( 20 markah )

2. Apakah yang dimaksudkan sebagai jalan melepaskan diri di dalam sesebuah rekabentuk?

Jelaskan prinsip-prinsip jalan melepaskan diri yang baik.

( 20 markah )

3. Nyatakan satu jenis bumbung 3 dimensi dan jelaskan pembinaannya secara terperinci.

( 20 markah )

Rej

187

... 2/-

4. Apakah tujuan pembinaan aras bawah tanah?

Berikan satu jenis pembinaan aras bawah tanah dan jelaskan kaedah pembinaannya termasuk cara-cara mengalis lembab.

( 20 markah )

5. Jelaskan dengan ringkas 2 (DUA) daripada perkara-perkara berikut:

- (a) Proses pembuatan kaca dan dua jenis kaca iaitu kaca keping dan kaca apung.
- (b) Kegunaan sekatan dan kriteria pemilihannya.
- (c) Siling gantung tak bersambung monolit dan siling gantung terbuka.
- (d) Ribet dan kimpalan untuk struktur barangka keluli.
- (e) Pra tegangan dan post tegangan untuk konkrit prategasan.

( 20 markah )

6. (a) Berasaskan garispanduan pembetungan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, huraikan kegunaan tangki septik bagi merawat air buangan domestik di dalam skim perumahan.

( 4 markah )

- (b) Huraikan dengan bantuan lakaran perbezaan serta kelebihan dan kekurangan parit penyerapan, lubang penyerapan dan lapisan turas.

( 8 markah )

- (c) Kira dimensi panjang, lebar dan dalam tangki septik dan lubang penyerapan untuk merawat air buangan domestik daripada sebuah isirumah seramai 8 orang mengikut kriteria berikut:

- i) Kapasiti tangki septik,

$$c = 40p + 440$$

apabila

c - kapasiti tangki septik (gelen)

p - bilangan orang

ii) Kapasiti lubang penyerapan =  $2\frac{1}{2}$  kapasiti tangki septik.

Faktor pertukaran: 1 gelen = 4.546 liter.

( 8 markah )

7. Seorang klien meminta anda merekabentuk sebuah garaj untuk 12 buah bas besar (40 orang penumpang) di tapak seluas 200 x 300 meter. Satu bahagian kecil daripada garaj tersebut diperlukan untuk kerja-kerja membaiki kerosakkan.

Sebagai seorang arkitek anda dikehendaki mencadangkan satu sistem struktur yang mengambil kira kos, bahan dan pembinaannya. Jelaskan cadangan anda.

( 20 markah )

-ooooOooo-

190